

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(B)75

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM
YB KUMARAN KRISHNAN**

75. PDC mencadangkan bagi pembelian 3,000 ekar tanah di Seberang Perai Selatan untuk dijadikan sebagai Taman Perindustrian. Adakah Kerajaan telah mengambil kira faktor kesesakan lalu lintas dan banjir warga asing di kawasan perumahan Seberang Perai?
- (a) Adakah PBA mampu membekalkan bekalan air yang cukup untuk Taman Perindustrian seluas 3,000 ekar tersebut?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

75. Sehingga kini pihak Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) tiada perancangan atau cadangan pembelian tanah bagi kawasan pembangunan industri di Seberang Perai Selatan sebagaimana yang dibangkitkan.

Namun begitu, apabila sesuatu pemajuan baharu ingin dibangunkan, pihak pemaju perlu mengemukakan Pelan Kebenaran Merancang kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk kelulusan. Selain itu, pihak pemaju juga perlu melaksanakan Kajian Impak Trafik (*Traffic Impact Assessment* - TIA) dan Kajian Impak Sosial untuk mengambil

kira faktor kesesakan lalu lintas dan impak sosial di pemajuan baharu tersebut.

- (a) Berdasarkan unjuran permintaan air daripada pihak PDC, pembangunan koridor PDC Batu Kawan akan dimajukan secara berperingkat sehingga tahun 2055. Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) telah merancang bekalan air baharu bagi kawasan pembangunan perindustrian koridor PDC Batu Kawan iaitu LRA Sg Kerian (114JLH) yang dijangka siap pada 2028 sementara menunggu Projek Air Pulau Pinang-Perak yang dijangka dapat membekalkan air selepas tahun 2030. Walau bagaimanapun, PDC selaku pemaju kawasan perindustrian ini bertanggungjawab untuk menyediakan infrastruktur air seperti empat (4) buah takungan perkhidmatan, sistem pengepaman serta sistem perpaipan yang lengkap. Berikut adalah maklumat cadangan pembinaan kolam takungan perkhidmatan yang telah dicadangkan oleh pihak PDC:

Bil	Jenis kolam	Kapasiti (Juta Liter, JL)
R2	Takungan perkhidmatan	45 JL
R3	Takungan perkhidmatan	70 JL
R4	Takungan perkhidmatan	60 JL
R5	Takungan perkhidmatan	50 JL